

J. P.U. 47.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL MENGGOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN
KERAJAAN TEMPATAN
(MAJLIS PERBANDARAN KULAI) 2015

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 102(*t*) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Kulai dengan ini membuat dan menurut Seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan mula berkuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Kerajaan Tempatan (Majlis Perbandaran Kulai) 2015** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Kulai.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kulai;

“Pemindahan wang secara elektronik” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*].

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun

3. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau mana-mana Undang-undang Kecil yang dibuat di bawahnya boleh dikompaun oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa di bawah Undang-undang Kecil ini oleh Yang Dipertua.

(2) Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan adalah sah bagi tempoh 21 hari mulai dari tarikh tawaran dibuat.

Penyampaian Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan

4. Penyampaian suatu Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan boleh dibuat oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa: